

Pelabur harus rebut peluang di Bosnia

BH Sabtu

23/6/2007

HUBUNGAN Malaysia dengan Bosnia Herzegovina terjalin sebaik tertubuhnya negara itu dan sebelum perang saudara selama lebih tiga tahun menyaksikan ribuan penduduk Islam dibunuh, termasuk 8,000 orang dalam pembunuhan beramai-ramai pada 1995 – pembunuhan paling tragis sejak Perang Dunia Kedua. Apabila keadaan reda dan negara itu kembali stabil, Malaysia menerusi pembabitan syarikat swasta, atas dorongan kerajaan, turut membantu memulihkan bekas negara Yugoslavia itu. Kini, sektor swasta Malaysia boleh mengambil kesempatan meluaskan pelaburan kerana Bosnia Herzegovina dalam proses membina semula ekonominya, selepas terbabit dalam peperangan etnik lebih sedekad lalu itu. Beberapa syarikat Malaysia sudah menyertai projek pembinaan bangunan komersial dan perumahan menerusi Projek Pembangunan Pusat Bandar negara itu. Walaupun, perdagangan kedua-dua negara tahun lalu hanya sekitar RM8 juta dengan eksport Malaysia ke negara itu berjumlah lebih RM7 juta, sebahagian besar membabitkan produk minyak sawit dan makanan, manakala import dari negara itu kira-kira RM600,000 saja, kita yakin selepas lawatan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin, jumlah itu dapat ditingkatkan. Lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri ke Sarajevo itu adalah kesinambungan kerjasama dirintis Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini. Ketika berucap kepada lebih 300 usahawan kedua-dua negara pada satu forum perniagaan di Sarajevo, kelmarin, Abdullah menegaskan Malaysia dan Bosnia Herzegovina boleh memanfaatkan kelebihan masing-masing untuk memperluaskan kerjasama dalam bidang ekonomi serta perdagangan melangkaui pasaran wilayah Eropah Tengah dan Asia.

Kita sependapat bahawa hubungan perdagangan kedua-dua negara tidak seharusnya memberi fokus terhadap pasaran dalam negara masing-masing saja, sebaliknya Bosnia boleh digunakan sebagai pintu masuk ke pasaran Eropah Tengah, manakala Malaysia ke pasaran Asia. Ketika ini, Bosnia mempunyai laluan memasuki pasaran itu menerusi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Eropah Tengah ditandatangani pada Disember 2006. Malaysia pula menembusi pasaran Asia menerusi FTA Asean serta sedang berunding menandatangani perjanjian bersama dengan China, Jepun, Korea Selatan, India, Australia dan New Zealand. Perdana Menteri mahu melihat penyertaan besar sektor swasta Malaysia dalam pembangunan ekonomi di Bosnia Herzegovina dalam usaha memperkukuhkan hubungan pada peringkat kerajaan. Kita akui kerajaan kedua-dua negara jelas komited mewujudkan suasana yang boleh merencanakan perdagangan dan pelaburan bagi kemajuan bersama. Bosnia Herzegovina mempunyai banyak potensi untuk diteroka pelabur Malaysia, termasuk dalam sektor makanan, infrastruktur, perhotelan dan pertanian.

Sebagai negara majoriti Islam di Eropah Tengah, Bosnia Herzegovina boleh dijadikan pintu masuk utama bagi membekalkan makanan halal ke pasaran Eropah. Sektor swasta kita boleh menerokai pelbagai bidang, termasuk menyertai projek lebuh raya menghubungkan Bosnia dan beberapa negara Eropah iaitu lebuh raya sepanjang 337 kilometer bernilai RM11.4 bilion – antara projek infrastruktur terbesar yang dilaksanakan Sarajevo. Hakikatnya, Bosnia Herzegovina memerlukan lebih banyak pelaburan dari negara Islam kerana setakat ini pelaburan langsung asing (FDI) negara itu masih dikuasai negara Eropah didahului Croatia, Lithuania dan Austria, manakala hanya sebahagian kecil disumbangkan negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang didahului Kuwait, Turki, UAE, manakala Malaysia menduduki tangga keempat.